

Sesekali jiwanya juga pernah kesunyian

UM 31/10/2003 - 20 PRECISE

Oleh HERMAN HAMID

BAGI Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin, nama Mahathir Mohamad tidak mungkin dapat dilupakan oleh rakyat Malaysia kerana nama itu sudah menjadi sebuah institusi kepada negara ini.

Katanya, ini kerana sepanjang 22 tahun Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerajui negara sudah terlalu banyak perubahan yang dilakukannya melalui pemikiran yang jauh melampaui masa.

Kelebihan yang ada pada Dr. Mahathir adalah satu rahmat daripada Allah yang menguntungkan kita kerana beliau menjadi seorang insan yang bukan sahaja pandai tetapi bijaksana.

Inilah yang membezakan beliau dari mana-mana individu sehinggakan ahli akademik yang bertaraf profesor sekalipun tidak berupaya menandingi pemikirannya mengenai masa depan.

Contoh yang terbaik untuk menggambarkan kelebihan itu adalah sewaktu keputusan beliau mahu melibatkan Malaysia di dalam industri berat terutamanya pembuatan kereta.

"Hari ini Hicom dan Proton bukan



ABDUL AZIZ SAMSUDIN

sahaja menjadi tonggak negara tetapi telah berjaya memberi peluang kepada ratusan ribu anak bangsa untuk mencari rezeki," ujarnya.

Katanya, Dr. Mahathir boleh berbuat

semua itu kerana pada sesetengah orang ia adalah luar biasa tetapi baginya sesudah melihat sekeliling, beliau hanya perlu meyakinkan dirinya bahawa itulah yang terbaik bagi bangsanya dan beliau akan buat.

Keyakinan untuk berbuat sesuatu di luar pemikiran manusia biasa bukanlah perkara yang mudah tetapi dia akan pastikan ada tiga faktor yang mendorongnya berbuat demikian iaitu keberanian, kesungguhan dan minat," jelasnya.

Abdul Aziz yang berkhidmat dengan Perdana Menteri sejak tahun 1975 berpendapat, Perdana Menteri masih boleh aktif kerana disiplinnya terhadap makanan, mengambil rehat yang cukup serta dia tahu menjaga masa.

Yang paling penting ialah kehidupannya adalah satu kehidupan yang sihat. Di mana beliau berada, di situlah akan ada isterinya dan juga disebabkan hatinya yang sentiasa ikhlas kerana apa sahaja yang dilakukan adalah untuk kepentingan bangsanya hingga membuatkan dia sanggup untuk bekerja lebih keras pada setiap masa," katanya.

Tambahnya, sepanjang perkenalan

dengan Dr. Mahathir, beliau adalah seorang yang mempunyai humor walaupun kelihatan seperti seorang yang serius.

"Antara gurauannya yang saya tidak dapat lupakan apabila saya cakap dengan dia yang pembangkang ini semua 'nak buat dua kali'.

"Sembahyang nak dua kali sebab tak nak imam yang kerajaan lantik, kubur nak dua sebab tak nak kubur yang ada orang UMNO, akad nikah pun nak buat dua kali sebab was-was dengan kadi.

"Tiba-tiba Dr. Mahathir sambut dan dia kata; 'depa ni satu sahaja yang tak mau buat dua kali, berkhatan,'" katanya."

Ketika ditanya mengenai hubungan dengan petugas bawahannya, Abdul Aziz menjelaskan bahawa Dr. Mahathir sebenarnya adalah seorang yang penyayang, pengingat dan pengasih.

"Bagaimanapun kadang-kala saya dapat merasakan yang jiwanya sedikit kesunyian tetapi ia adalah perkara biasa bagi orang yang berada di kedudukannya," jelasnya.

Namun begitu Abdul Aziz berkata, Dr. Mahathir dapat mengawal semua itu dengan membawa dirinya ke bawah

kerana jiwanya yang sebenar adalah jiwa seorang rakyat.

"Kerana beliau berjiwa rakyat maka beliau dapat menyesuaikan diri dengan semua lapisan masyarakat dan pada saya, keupayaannya memimpin negara dengan baik ialah kerana beliau pandai melihat ke bawah," tambahnya.

Di samping itu Abdul Aziz menegaskan bahawa Dr. Mahathir paling tidak suka orang yang berbohong kerana banyak orang yang berpura di hadapan beliau dan ini mengecewakan hatinya.

"Dan beliau pula apabila dah sayangkan orang itu, memang dia akan sokong, akan bantu dengan harapan orang itu dapat menjadi terbaik tetapi jangan lupa ada juga orang yang menyalahgunakan kepercayaan Dr. Mahathir.

"Tetapi istimewanya Dr. Mahathir ini, beliau adalah seorang yang pemaaf walau macam mana sekalipun dan semua ini kita boleh saksikan sendiri.

"Baginya, orang yang telah membuat salah kalau beliau ingin memperbetulkan dirinya bermakna beliau adalah insan yang baik," jelasnya.

PESANAN DR. M

KITA perlu bergerak lebih pantas daripada bangsa lain yang sudah maju di dunia. Jika tidak, sampai bila pun kita tidak akan dapat menyamai dan jauh sekali menandingi mereka.

• Pada pertemuan dengan sekumpulan pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Currey, Guildford, London, 23 Mei 1996.



TENAGA NASIONAL